

22 AUG 1996

Agong-Argentina

PERIKATAN YANG STRATEGIK KUNCI KEJAYAAN, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bertitah malam ini bahawa sektor swasta Malaysia dan Argentina perlu digalakkan supaya mengadakan perikatan yang strategik untuk bersama menyertai pembangunan ekonomi Asia Tenggara dan bahagian selatan Amerika Selatan.

Baginda bertitah mereka boleh menggunakan kemajuan teknologi masing-masing, pengetahuan pasaran dan kepakaran untuk mewujudkan kerjasama itu.

"Kedua-dua rantau yang dinamik ini menawarkan peluang-peluang yang penting kepada usahawan-usahawan kita untuk bekerjasama," titah baginda di jamuan negara untuk meraikan Presiden Carlos Menem dari Argentina di Istana Negara di sini.

Menem tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan selama lima hari.

Baginda bertitah Malaysia dan Argentina boleh bekerjasama dalam banyak bidang dengan mengumpulkan sumber masing-masing untuk faedah bersama.

Tuanku Ja'afar bertitah hubungan Malaysia-Argentina berkembang dari hanya perwakilan diplomatik kepada satu hubungan yang konkrit dan bermakna meliputi aktiviti bidang-bidang yang luas.

Titah baginda beberapa perjanjian meliputi kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal, perdagangan, jaminan pelaburan dan pelupusan separuh peraturan visa telah ditandatangani.

"Keazaman politik yang telah ditunjukkan oleh kedua-dua kerajaan, ditambah pula dengan keadaan ekonomi mereka yang baik, telah mewujudkan peluang yang unik bagi memberi laluan kepada hubungan ekonomi yang lebih erat antara Malaysia dan Argentina," titah baginda.

Dan lagi, perjanjian hubungan udara secara langsung antara Kuala Lumpur dengan Buenos Aires memberi dimensi yang berguna dan penting kepada pembesaran hubungan dua hala ini, titah baginda.

Tuanku Ja'afar berkata dalam bidang perdagangan, terdapat skop yang luas bagi kedua-dua negara untuk mempertingkatkan jumlah dagangan.

Malaysia dengan jumlah import tahunannya lebih dari AS\$70,000 juta dapat menjadi pasaran yang menguntungkan untuk eksport Argentina, bukan sahaja dengan produk pertaniannya tetapi juga keluaran perindustrian dan kejenteraannya.

Di arena antarabangsa, baginda bertitah, Malaysia menghargai komitmen berterusan Argentina dalam menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan.

Yang di-Pertuan Agong juga berkata Malaysia yakin bahawa terdapat peluang-peluang kerjasama antara ASEAN dan perkumpulan Mercosur Amerika Selatan yang dianggotai oleh Argentina, Brazil, Paraguay dan Uruguay, untuk memperluaskan perdagangan dan merapatkan kerjasama ekonomi.

Dalam ucapan beliau, Menem berkata sektor pengeluaran, kewangan dan perdagangan Argentina sentiasa terbuka kepada usaha-usaha perniagaan Malaysia.

Katanya, hubungan perniagaan yang menjanjikan masa depan yang cerah, semakin bertambah antara kedua-dua negara.

"Kita gembira melihat kehadiran Petronas, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), Kumpulan Masscorp, Kumpulan Berjaya dan lain-lain di Argentina," kata beliau sambil menambah beberapa syarikat Argentina dengan rakan kongsi Malaysia mereka mula bertapak di Malaysia seperti di projek empangan Bakun.

Kata Menem syarikat Argentina dan Malaysian juga sedang mengkaji kemungkinan menyertai projek hidroelektrik "Three Gorges" di China dan juga

yang lain di rantau itu.

Kata beliau lawatan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad ke Argentina pada tahun 1991 merupakan "detik perubahan yang penting" kepada hubungan Malaysia-Argentina .

Pemimpin Argentina itu berkata tujuan lawatannya ke Malaysia ini ialah untuk mempertingkatkan perdagangan dan perlaburan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ES WAT